

28/05/2002

Taib Azzamudden enggan jawab panggilan Zainuddin

KUALA LUMPUR, Isnin - Ahli Parlimen Baling, Taib Azzamudden Mohd Taib enggan menemui Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin walaupun dihubungi beberapa kali.

Ketika mengesahkan perkara itu, Zainuddin berkata, pihaknya cuba menghubungi Taib Azzamudden di rumah serta Ibu Pejabat Pas kira-kira seminggu lalu untuk menentukan tarikh pertemuannya.

Bagaimanapun, katanya, pihak yang dihubungi meletakkan telefon sebaik saja mengetahui panggilan itu daripada pejabatnya.

"Saya ingin sangat menemuinya kerana tidak pernah seumur hidup saya menemui beliau baik sewaktu dia menjadi Imam Besar Masjid Negara mahupun sesudah menjadi Ahli Parlimen," katanya kepada Berita Harian.

Pada 15 Mei lalu, Taib Azzamudden meminta Zainuddin bersemuka dengannya jika ingin penjelasan mengenai isu 'rahsia besar' dan meminta media menghentikan membesar-besarkan isu itu.

Berikutan itu, Zainuddin menyatakan kesediaannya bersemuka dengan Taib Azzamudden pada bila-bila masa dan di mana saja kerana pertemuan itu mungkin memberi peluang kepadanya untuk mendengar sendiri penjelasan bekas Imam Besar Masjid Negara itu tidak boleh membongkar isu terbabit.

Bagaimanapun, Taib Azzamudden enggan mengulas kesediaan Zainuddin itu.

Sebelum ini, Zainuddin berkata, Taib Azzamudden tidak perlu berdolok dalih lagi, sebaliknya perlu mengesahkan perkara itu dan mendedahkan rahsia besar yang diketahuinya kepada umum.

Zainuddin mendakwa, rahsia besar yang disimpan Taib Azzamudden sudah diketahui umum melalui cakera padat video (VCD) yang ada dijual di pasaran sekarang.

Malah katanya, ada fakta lain yang dapat dibuktikan mengenai rahsia besar selain melalui VCD berkenaan.

Zainuddin juga berkata, daripada kenyataan yang dikeluarkan Taib Azzamudden baru-baru ini, ia kelihatan mempunyai kaliber yang besar sama seperti paderi Katolik yang boleh menerima pengakuan dosa dan orang boleh bertaubat di hadapannya.

"Saya juga ingin menemuinya dan membuat pengakuan. Saya harap dia bersedia menemui saya jika dia memikirkan masih mempunyai kewibawaan sebagai seorang imam," katanya.

Beliau juga berkata, turut menghadapi masalah apabila ramai orang bertanya mengenai rahsia besar yang disimpan Taib Azzamudden.

Bagaimanapun, katanya, beliau tidak boleh bercakap bagi pihak Taib Azzamudden kerana orang ramai tidak akan mempercayai orang ketiga.

"Saya tentu tidak dianggap mempunyai kewibawaan bagi pihaknya. Lebih baik orang ramai bertanya sendiri kepada Taib Azzamudden.

"Bagaimanapun, saya pasti dia dan partinya mempunyai konspirasi untuk membiarkan fitnah besar berlaku terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

(END)